

29/10/1999

Poe sokong Dr Mahathir

Mokhtar Alias

PENYANYI lagu rakyat dan jenaka, Poe yang kembali menghasilkan album terbarunya, Reformasi Diri tidak teragak-agak untuk menyatakan sokongan terhadap kepemimpinan negara sekarang.

Sambil melaungkan betapa pentingnya soal perpaduan di kalangan orang Melayu, dia melihat kepemimpinan negara mampu mengekalkan keamanan, keharmonian, malah membawa Malaysia keluar daripada kegawatan ekonomi.

"Penghasilan album ini untuk memberi hiburan yang boleh menjurus kepada terbukanya minda pendengar supaya tidak mudah terpengaruh dan terlalu taksub kepada isu negatif," katanya ketika mengunjungi Persada Seni, kelmarin.

Poe atau nama penuhnya, Mohd Fauzi Ahmad berkata, jika boleh dia mahu menghadiahkan kaset dan cakera padat yang dihasilkan itu kepada semua rakyat.

"Saya sedang mencari penaja untuk membolehkan mereka membeli kaset ini dan diserahkan kepada rakyat secara percuma," katanya.

Menerusi kaedah yang dijalankan ini, harga kaset hanya dijual sebanyak RM7 dan cakera padat (CP) RM9.

"Harga kaset dan CP tulen ini memang sangat murah tetapi kita masih ada sedikit keuntungan, berbanding album tulen lain yang dijual dengan harga agak tinggi kerana mereka mahu mendapat keuntungan banyak," katanya.

Mengenai judul album ini, dia berkata: "Bukan reformasi yang tidak demokratik tetapi reformasi diri yang selalu disebut oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad."

Dalam album ini, Poe membawakan dua lagu loghat daerah, iaitu Jange Tok Kena (Kelantan) yang mengingatkan rakyat supaya mengenang jasa kerajaan dan Golo Dek Eh (Negeri Sembilan) berhubung tindakan melulu boleh menghancurkan masa depan.

Lagu lain ialah Reformasi Diri, Terima Kasih, Dah Merdeka, Kau Tabah, Demokrasi, Doktor Songsang, Okey Boleh dan Satu Dunia Satu Harapan.

Sebelum ini, Poe mula dikenali dengan lagu Jelaskanlah dan pernah bergandingan dengan Zainal dalam Rampa. Mereka berdua menghasilkan album Brus Brothers, awal tahun ini.

Ditanya sampul album ini, Poe menjelaskan ia berdasarkan teori Darwin yang mendakwa manusia itu berasal dari beruk.

"Berdasarkan teori itu, manusia berasal dari beruk tetapi pada masa sekarang, ramai manusia mahu menjadi beruk dengan memusnahkan harta benda awam dan mengganggu ketenteraman awam," katanya sinis.

(END)